

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	2 JULY 2016

Lipat ganda ibadat pada malam-malam terakhir Ramadan

um - 2/7/2016


KUALA LUMPUR 1 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak umat Islam untuk melaksanakan ibadat pada malam-malam terakhir di bulan Ramadan untuk mencari keberkatan malam Lailatul-Qadar.

Beliau berkata, Syawal bakal menjelang tidak lama lagi dan beliau percaya ramai sudah mula berasa teruja untuk pulang beraya di kampung.

“Namun, saya ingin mengingatkan kita semua termasuk diri saya sendiri bahawa Ramadan merupakan bulan di mana kita beribadat manakala Aidilfitri merupakan hari kita meraikan kejayaan beribadat sepanjang bulan Ramadan.

“Jadi, marilah kita melengkapkan ibadat kita di bulan Ramadan ini dengan cuba mendapatkan keberkatan Lailatul-Qadar. Sesungguhnya malam Lailatul-Qadar menjanjikan pahala berlipat ganda atas segala amalan yang kita lakukan di samping mendapatkan keampunan daripada Allah,” katanya menerusi blog beliau, www.najibrazak.com hari ini.

Perdana Menteri turut mengingatkan semua yang ingin pulang ke kampung agar berhati-hati di jalan raya supaya selamat sam-



NAJIB TUN RAZAK mengaminkan doa sejurus selesai membayar zakat fitrah kepada amil merangkap Imam Masjid Putra, Zul Rashidi Mohd. Salleh selepas solat Jumaat di Masjid Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

pai ke destinasi agar orang yang tersayang menerima kepulangan kita di kampung dalam keadaan ceria.

Pada masa sama, beliau mengambil peluang untuk memperingati jasa dan pengorbanan pasukan keselamatan yang tidak dapat meraikan hari perayaan bersama keluarga mereka.

Kata beliau, mereka kini sedang berkhidmat di serata tanah air bagi memastikan rakyat Malaysia selamat menjalani ibadah puasa dan Aidilfitri dalam keadaan aman dan harmoni.

“Amat besar jasa mereka dan kita rakyat Malaysia memberikan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka,” katanya.